YADIM cadang PM jadi Pengerusi Majlis Ulama

UM 2 MAR 2002

KUALA LUMPUR 1 Mac — Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) mencadangkan supaya Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dilantik sebagai Pengerusi Majlis Perundingan Ulama Negara (Majlis Ulama) yang diumumkan penubuhannya oleh kerajaan baru-baru ini.

Timbalan Yang Dipertua YADIM, Abd. Manaf Ahmad berkata, cadangan itu berdasarkan kepada faktor bahawa ketua kerajaan sendiri perlu mendengar pendapat ulama dan turut membincangkan pro dan kontra isu-isu agama, kepakaran dan arus politik dunia.

"Semua ahli majlis perunding pula patut terdiri daripada cendekiawan dan ilmuan dalam pelbagai disiplin ilmu," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Beliau mengulas mengenai penubuhan Majlis Ulama yang diumumkan baru-baru ini.

Majlis Ulama tersebut ditubuhkan bertujuan memberi nasihat dan pandangan mengenai dasar kerajaan serta perkara berkaitan dengan perkembangan syiar Islam.

Kenyataan YADIM ini merupakan maklum balas pertama diterima daripada sebuah badan bukan kerajaan (NGO) berteraskan keagamaan.

Menurut Abd. Manaf, ahli Majlis Ulama perlu terdiri daripada pakar-pakar dalam pelbagai disiplin ilmu lain seperti sosiologi, angkasa lepas, pertanian, kejuruteraan, perubatan, sains dan teknologi serta disiplin ilmu dunia dan akhirat.

"Cadangan saya ini berasaskan pandangan Almarhum Prof. Dr. Abdul Halim Mahmood, bekas Sheikh Al-Azhar yang mentafsirkan ulama sebagai cendekiawan dan ilmuan Islam.

"Ini kerana perkataan ulama itu disebut di dalam surah Fatir ayat 28 yang membawa maksud ilmuan dan cendekiawan Islam dan ayat 27 sebelumnya membentangkan rahsia kejadian alam," katanya.

Sehubungan itu katanya, mereka yang dapat mengkaji dan menganalisis kejadian serta rahsia alam hingga membawa kepada takwa kepada Allah, maka merekalah yang dimaksudkan ulama oleh al-Quran.

Abd. Manaf berkata, sebagai seorang ketua kerajaan yang mengetahui selok-belok pemerintahan negara, Perdana Menteri boleh memimpin perbincangan mana-mana isu yang dibangkitkan.

Kata beliau lagi, Perdana Menteri yang mempengerusikan mesyuarat itu bukanlah mewakili parti politik tetapi majoriti rakyat Malaysia yang memilih beliau mengikut Perlembagaan setiap lima tahun sekali.

"Sekiranya cadangan ini dapat dilaksanakan, maka tidak akan ada keraguan dan tidak akan timbul tohmahan bahawa kerajaan sekarang memisahkan agama dan pemerintahan negara," katanya.